



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
25 Ogos 2025



Isnin, 25 Ogos 2025 | 1 Rabiulawal 1447 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2



Pelabur durian Musang King berputih mata



Oleh Ilah Hafiz Abd Aziz → Nasional 6



Perjuangan PERKESO meLINDUNGi semua

LINDUNG
PEKERJA • KERJAYA • KENDIRI • KASIH

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melancarkan penjenamaan LINDUNG, sebagai tonggak reformasi baharu dalam melindungi kebajikan pekerja dan majikan di Malaysia.

Dengan fokus kepada perlindungan menyeluruh dan kecekapan operasi, usaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO itu menampilkan

identiti lebih mesra skim berkenaan agar mudah difahami rakyat.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata penjenamaan semua skim keselamatan sosial kepada akronim LINDUNG mampu melonjakkan lagi imej PERKESO sebagai perisai utama dalam melindungi kebajikan pencarum melalui pelbagai skim dan manfaat.



Majlis Gala: Pelancaran Penjenamaan LINDUNG telah berlangsung di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu, selari dengan gagasan Malaysia MADANI yang mengangkat nilai kebersamaan dan karamah insaniah.

2

Isnin, 25 Ogos 2025 BH

Penjenamaan semula LINDUNG lebih mesra pencarum

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melancarkan penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial dengan nama baharu, LINDUNG, sebagai langkah strategik meningkatkan keyakinan rakyat terhadap inisiatif perlindungan agensi itu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata ia bukan sekadar pertukaran nama, sebaliknya permulaan reformasi struktur bagi melonjakkan kecekapan operasi dan keberkesanan dasar keselamatan sosial negara.

Katanya, pembaharuan itu merangkumi semua fungsi teras termasuk faedah, operasi serta penggunaan teknologi, selain memperkukuh kecekapan menerusi rekayasa Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

"Antaranya termasuk fungsi Pusat Rehabilitasi PERKESO, perlindungan 24 jam kepada pekerja serta peningkatan kadar faedah agar selari dengan keperluan semasa rakyat," katanya pada Majlis Galar Pelancaran Penjenamaan LINDUNG.

Penjenamaan baharu itu membabitkan beberapa inisiatif seperti LINDUNG PEKERJA (Akta Keselamatan



LINDUNG
PEKERJA • KERJAYA • KENDIRI • KASIH

Sosial Pekerja 1969), LINDUNG KERJAYA (Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017), LINDUNG KENDIRI (Skim Pekerjaan Sendiri) dan LINDUNG KASIH yang sebelum ini dikenali sebagai Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Setiap tahun PERKESO menagihkan kira-kira 45 peratus daripada kutipan tahunan RM7.6 bilion kepada pencarum, bersamaan RM3.4 bilion dalam bentuk pencen, faedah, rawatan, dialisis dan rehabilitasi.

Steven berkata, LINDUNG selari dengan gagasan Malaysia MADANI berteraskan semangat 'tiada sesiapa ditinggirkan'.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal, menegaskan LINDUNG bukan sekadar nama, sebaliknya ikrar melindungi golongan lemah, menyokong pekerja yang gigih berusaha sekali gus menjunjung maruah rakyat.

"Harapan kami di PERKESO setiap rakyat Malaysia mesti dilindungi, dibantu dan diberdayakan demi kesejahteraan bersama," katanya.

LINDUNG PEKERJA

LINDUNG PEKERJA (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969), LINDUNG KERJAYA (Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017), LINDUNG KENDIRI (Skim Pekerjaan Sendiri) dan LINDUNG KASIH

Objektif

Memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan pekerjaan, penyakit pekerjaan atau kematian

Menjamin kebajikan pekerja dan tanggungan mereka melalui faedah tunai, perubatan dan pemulihan

Perindungan yang disediakan

• Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan

Manfaat kepada rakyat

• Menjamin pendapatan dan kelangsungan hidup pekerja dan keluarga ketika berlaku kemalangan atau keilatan
• Mengurangkan beban kewangan melalui faedah perubatan dan faedah tunai
• Membantu proses pemulihan dan kembali bekerja dengan lebih cepat

Senarai faedah yang disediakan

• Faedah Perubatan
• Faedah Hilang Upaya Sementara
• Faedah Hilang Upaya Kekal
• Faedah Orang Tanggungan
• Pencen Iait
• Bantuan Iait
• Faedah Pengurusan Mayat (Bayaran Khairat Kematian)
• Pencen Penakat
• Elaun Layanan Sentiasa (Elaun Penjaga)
• Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Return To Work (RTW)

LINDUNG KERJAYA

LINDUNG KERJAYA bertujuan melindungi pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui bantuan kewangan dan sokongan kerjaya. Ia merupakan penjenamaan semula bagi Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Objektif

Memberi bantuan kewangan sementara kepada pekerja yang hilang pekerjaan

Membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan baharu, program latihan dan bimbingan kerjaya menerusi portal MYFutureJobs

Sasaran

Pekerja sektor formal yang mencarum di bawah LINDUNG PEKERJA kecuali Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Penjawat Awam, Orang Bekerja Sendiri dan Pekerja Asing.

Perindungan yang disediakan

• Insurans Pekerjaan dan Perkhidmatan Pekerjaan

Manfaat kepada rakyat

• Mengurangkan tekanan kewangan sementara mencari kerja baharu
• Memberi peluang meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pencari kerja
• Membantu pencari kerja kembali bekerja dengan lebih pantas dan stabil

Senarai faedah yang disediakan

• Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)
• Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)
• Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)
• Yuran Latihan (YL) dan Elaun Latihan (EL)
• Penempatan Pekerjaan dan Kaunseling Kerjaya

LINDUNG KENDIRI

LINDUNG KENDIRI memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada individu bekerja sendiri meliputi 20 sektor pekerjaan termasuk freelancer, pekerja gig, usahawan mikro, serta mereka yang tidak dalam sektor pekerjaan formal. Ia merupakan inisiatif PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Objektif

Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan bekerja sendiri yang tidak dilindungi oleh pekerja sektor formal

Memberi jaminan pendapatan apabila berlaku kemalangan, penyakit atau kematian akibat pekerjaan

Sasaran

Individu bekerja sendiri yang terlibat dalam 20 sektor merangkumi pengangkutan penumpang, pengangkutan barangan, pertanian, penternakan, pembuatan, pembinaan, penjaja dan lain-lain.

Perindungan yang disediakan

• Bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan ketika bekerja

Manfaat kepada rakyat

• Perlindungan untuk golongan bekerja sendiri yang sebelum ini tiada
• Menawarkan faedah penggantian pendapatan akibat hilang upaya
• Menjaga kebajikan keluarga ketika ditimpa musibah

Senarai faedah yang disediakan

• Faedah Perubatan
• Faedah Hilang Upaya Sementara
• Faedah Hilang Upaya Kekal
• Elaun Layanan Sentiasa (Elaun Penjaga)
• Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional
• Faedah Orang Tanggungan
• Faedah Pengurusan Mayat (Khairat Kematian)

LINDUNG KASIH

LINDUNG KASIH lahir sebagai tanda penghargaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 bagi melindungi wanita daripada risiko kemalangan atau kematian kerana kasih dan pengorbanan mereka tidak ternilai, sama ada sepenuh masa atau sambilan.

Objektif

Memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada wanita, sama ada sepenuh masa atau sambilan

Mengiktiraf sumbangan ekonomi dan sosial suri rumah kepada keluarga dan negara

Sasaran

Suri rumah, ibu tunggal dan wanita yang mengurus rumah sepenuh masa atau sambilan, wanita bekerja termasuk di sektor awam.

Perindungan yang disediakan

• Bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga

Manfaat kepada rakyat

• Menjamin kebajikan suri rumah dan keluarga
• Memberi ketenangan fikiran kepada ahli keluarga
• Mengiktiraf peranan suri rumah dalam kesejahteraan keluarga

Senarai faedah yang disediakan

• Faedah Perubatan
• Faedah Hilang Upaya Kekal
• Elaun Kezuratan
• Elaun Layanan Sentiasa (Elaun Penjaga)
• Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dalis
• Faedah Pengurusan Mayat (Bayaran Khairat Kematian)
• Pencen Penakat

Isnin, 25 Ogos 2025

55



Steven Sim (tujuh dari kiri) dan Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal (enam dari kanan) bergambar bersama lapan penerima apresiasi Majikan Pesona LINDUNG. (Foto BERNAMA)

8 Majikan Pesona LINDUNG: Inspirasi untuk semua

Pengiktirafan dapat pujian majikan pelbagai sektor, beri keyakinan terhadap sistem perlindungan sosial negara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lapan individu, termasuk beberapa artis ternama, diraikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai Majikan Pesona LINDUNG atas kecaknaan mereka menjaga kebajikan pekerja dengan tidak culas membayar caruman, selain kejayaan membina empayar perniagaan masing-masing.

Pengiktirafan itu disampaikan pada majlis pelancaran penjenamaan semula skim perlindungan sosial PERKESO kepada LINDUNG, yang turut merendahkan pujian majikan daripada pelbagai sektor kerana diangap langkah berani, inklusif serta memberi keyakinan baharu terhadap sistem perlindungan sosial negara.

Antara ikon menerima penghargaan itu ialah Pengasas dan pemilik Skop Productions Sdn Bhd, Datuk Dr Mohd Yusof Haslam; Pemilik Wawa Global Sdn Bhd, Suhairil Sunari dan isterinya, Nur Hawa Zainal Abidin; Pemilik Christy Ng Sdn Bhd, Christy Ng; Pemilik D'Herbs Holdings Sdn Bhd dan Datuk

LINDUNG
PEKERJA • KERJAYA • KEMUDI • KASIH

Seri Alif Syukri.

Turut menerima penghargaan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studio, Nini Yusof; Pengarang Pengurusan Sinar Karangkraf Sdn Bhd, Datuk Husamuddin Yaacub; Presiden Simply SS Trading Sdn Bhd, Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin; dan Pengasas NH Prima International Sdn Bhd, Noor Neelofa Mohd Nor.

Ambil tahu kebajikan pekerja

Berkongsi pandangan, Yusof menyifatkan inisiatif itu tepat pada masanya kerana majikan tidak boleh memandang ringan soal kebajikan pekerja mereka.

"Sebagai majikan kena ambil tahu soal pekerja kerana dalam bidang ini kita perlukan pasukan yang menabur bakti dan komitmen kepada syarikat. Tanpa pekerja, tiada majikan."

"Usaha PERKESO adalah langkah yang baik dan kita mengalu-alukan inisiatif seumpama ini. Semua majikan boleh menjadikan ini sebagai dorongan dalam usaha untuk mereka melindungi pekerja masing-masing."

"Ia juga meningkatkan semangat kita sebagai majikan agar lebih bertanggungjawab terhadap hak pekerja," katanya ketika ditemui pada Majlis Gala: Pelancaran Penjenamaan LINDUNG.

Pengasas jenama fesyen popular, Christy menganggap penjenamaan semula skim di bawah PERKESO mampu memperluas lagi kempen mempromosikan perlindungan sosial kepada

golongan yang bekerja sendiri, termasuk mengiktiraf golongan wanita serta surirumah.

"Tahniah kepada PERKESO. Dengan penjenamaan semula ini, kita berharap mesej utama kepentingan perlindungan sosial dapat sampai kepada setiap individu di negara ini tanpa mengira latar belakang pekerjaan mereka," katanya.

Sementara itu, Nini pula berkata usaha sebegini akan memudahkan pencarum membuat tuntutan serta memberi lebih manfaat kepada pekerja.

"Seperti dijelaskan oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim melalui penjenamaan LINDUNG ini, urusan untuk tuntutan faedah turut dipermudahkan."

"Media Prima berbangga kerana tanpa gagal membuat caruman PERKESO kerana kita tahu pekerja akan mendapat lebih manfaat dan kebaikan. Bukan sahaja kepada pekerja sektor formal, malah mereka dalam sektor gig dan persendirian juga akan menerima manfaat," katanya.

Dalam pada itu, Siti Nurhaliza bersyukur dan berterima kasih kepada PERKESO atas penghargaan diberikan.

"Alhamdulillah, syarikat di bawah kepimpinan saya dan suami turut menerima penghargaan sebagai Majikan Pesona LINDUNG dalam majlis yang buat julung-julung kalinya diadakan ini."

"Setinggi-tinggi terima kasih kepada PERKESO atas pengiktirafan, ini menjadi dorongan untuk kami semua terus memastikan kebajikan serta kesejahteraan warga kerja sentiasa diutamakan dan dilindungi," katanya.

Reaksi


6 Kita berpuas hati dengan penjenamaan semula ini kerana ia melindungi setiap individu di negara ini tanpa mengira latar belakang pekerjaan mereka 9

Christy Ng,
Pemilik Christy Ng Sdn Bhd



6 Sebagai majikan kena ambil tahu soal pekerja kerana dalam bidang ini kita perlukan pasukan yang menabur bakti dan komitmen kepada syarikat. Tanpa pekerja, tiada majikan 9

Mohd Yusof Haslam,
Pemilik Skop Productions Sdn Bhd




6 Pengiktirafan ini yang menjadi dorongan untuk kami terus memastikan kebajikan serta kesejahteraan warga kerja sentiasa diutamakan dan dilindungi 9

Siti Nurhaliza,
Presiden Simply SS Trading Sdn Bhd



56

Isnin, 25 Ogos 2025



Steven Sim,
Menteri Sumber Manusia

"LINDUNG bukan sekadar penjenamaan semula, malah kita perkenalkan logo baharu. LINDUNG PEKERJA, LINDUNG KERJAYA, LINDUNG KENDIRI, LINDUNG KASIH. Singkat tetapi bermakna. Saya harap PERKESO menjadi 'the last bastion' atau 'PeLINDUNG Terakhir' rakyat daripada terjerumus ke kemelut ekonomi dan kehidupan"



Datuk Seri Subahan Kamal,
Pengerusi Lembaga PERKESO

"Harapan kami terhadap penjenamaan semula ini agar tiada siapa yang dibiarkan terjatuh tanpa sokongan PERKESO kerana kami percaya setiap rakyat yang memerlukan akan sentiasa 'dilindungi', 'dibantu' dan 'diberdayakan' demi kesejahteraan bersama"



Datuk Seri Dr Mohammed Azman
Aziz Mohammed,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO

"LINDUNG bukan hanya peralihan imej luaran, tetapi pemangkin untuk PERKESO mengukuhkan ekosistem keselamatan sosial supaya semua dilindungi"



Hubungi kami:

1-300-22-8000
perkeso@perkeso.gov.my



Menara PERKESO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur



LINDUNG

"PERKESO LINDUNG Semua"